

SOALAN NO.: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR EWON EBIN [RANAU]

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) Apakah jenis bantuan atau subsidi yang diberikan kepada para penoreh/pekebun kecil getah yang terjejas pendapatan akibat kejatuhan harga getah; dan
- (b) Bagaimanakah dan bila bantuan atau subsidi ini disalurkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan pendapatan dan kebajikan pekebun kecil getah tidak terjejas dengan ketidakstabilan harga getah. Inisiatif-inisiatif yang telahpun dilaksanakan adalah seperti berikut:

i. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

- IPG telah dilaksanakan mulai bulan Januari 2015 dan telah ditambahbaik pada tahun 2016 dengan menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) bagi SMR20 dari RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama.
- Bagi pelaksanaan IPG, Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta. Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta;

ii. Mekanism penetapan harga di ladang

- Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk melibatkan dalam urusniaga getah. Melalui pendekatan ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang.

- Sehingga kini, modal pusingan sebanyak RM1,470,000 telahpun diagihkan kepada sebanyak 18 koperasi. Berdasarkan maklum balas, pada puratanya koperasi menawarkan RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah;

iii. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks

Peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan memperkuuhkan infrastruktur kutipan lateks di mana ianya akan dilaksanakan di beberapa tempat seperti Palong, Negeri Sembilan, Lipis, Pahang dan Grik, Perak. Langkah ini di samping mengurangkan pengimportan lateks juga akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*; dan

iv. Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baru

Meneruskan bantuan kepada pekebun kecil untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru, iaitu sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

- (b) Pembayaran IPG hanya akan dibuat kepada pemilik dan penoreh getah yang memiliki Kad PAT-G (Permit Autoriti Transaksi Getah) sahaja. Walau bagaimanapun, bagi pemilik kebun yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang penoreh, surat kebenaran dan pengesahan daripada pemilik kebun perlu dikeluarkan bagi menyatakan butiran dan lot yang ditoreh oleh penorehnya.

Bagi memudahkan pelaksanaan IPG, pembayaran dibuat secara terus ke dalam akaun pekebun kecil. Terdapat beberapa buah bank yang bekerjasama dengan pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi menjayakan tuntutan IPG antaranya Malayan Banking Berhad, Bank Simpanan Nasional (BSN), CIMB dan AgroBank. Bagi pekebun kecil yang tidak mempunyai akaun bank, LGM akan membantu membuka akaun bank secara automatik untuk pekebun kecil sekiranya tuntutan mereka melebihi RM20.00 dan seterusnya LGM akan memaklumkan kepada pekebun kecil mengenai perkara tersebut.

LGM sentiasa berusaha untuk memudahcarakan pelaksanaan IPG dengan memaklumkan kepada pekebun kecil melalui program turun padang, media massa dan media elektronik bahawa borang tuntutan tersebut boleh dihantar melalui beberapa cara seperti berikut:

- i. Melalui peniaga/pembeli getah; dan
- ii. Menjadikan pejabat penghulu/ketua kampung sebagai pusat pengumpulan dan borang tersebut akan dikutip oleh pegawai LGM mengikut masa yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.